

Oleh Hazween Hamdan

USIM anjur i-Inova'13

» **Ekspo yang mampu penuhi aspirasi negara**

Berterjemakan *Inspiring Islamic Innovative Minds* dan fokus kepada perintis inovasi sains Islam dalam membantu orang kurang upaya (OKU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama Akademi Sains Malaysia (ASM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) serta sokongan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan menjayakan Ekspo Inovasi Islam (i-Inova) 2013 dari 25 hingga 27 Oktober ini.

Ekspo yang akan berlangsung di Stadium Tertutup Nilai, Negeri Sembilan ini adalah merupakan salah satu inisiatif di bawah Program Inovasi Inklusif MOSTI yang menggalakkan penghasilan produk inovasi yang mampu memenuhi keperluan segenap kelompok masyarakat mahupun institusi, organisasi ataupun industri di Malaysia.

i-Inova'13 adalah siri ekspo bermula pada 2010 yang dianjurkan USIM untuk menegenahkan hasil penyelidikan dan inovasi penyelidikan dan pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT) dan pusat penyelidikan (RIS) tempatan dan antarabangsa. Tahun ini, sebanyak 140 produk inovasi daripada IPT dan RIS tempatan dan antarabangsa akan

turut serta dalam i-Inova'13.

Objektif pertandingan ini adalah untuk memperkenalkan inovasi dalam penciptaan produk baharu, memberi peluang kepada masyarakat untuk memahami serta menyetujui kesedaran dalam penciptaan terbaru dan penggunaan produk berasaskan sains Islam. Ekspo ini juga diharap dapat meningkatkan kesedaran di kalangan individu mengenai hak pengguna dan kepentingan produk berasaskan sains Islam.

Ekspo ini merupakan platform untuk USIM menunjukkan potensi sebagai "Pusat Rujukan" bagi produk sains Islam yang selaras dengan matlamat, visi dan misi universiti serta menggalakkan kreativiti dan inovasi di kalangan penyelidik dan pelajar dalam menyumbang kepada pembangunan ummah.

Tiga acara utama akan diadakan di ekspo ini adalah Pameran i-Inova'13 (26 - 27 Oktober 2013), Seminar Kreativiti dan Inovasi (25 Oktober 2013) dan Program OKU (26 - 27 Oktober 2013).

Pelbagai Program OKU



Antara aktiviti golongan orang kurang upaya (OKU).

akan diadakan iaitu pameran OKU, bengkel OKU, konsultasi profesional multidisiplin dan karnival untuk golongan OKU.

Bengkel membantu kanak-kanak mendengar dan bercakap - sesuai untuk ibu bapa dan guru-guru yang berurusan dengan kanak-kanak yang mempunyai masalah pertuturan dan pendengaran. Peserta akan diajar bagaimana untuk merangsang pertuturan dan

pendengaran kanak-kanak.

Bengkel penjagaan paliatif - satu bidang baru berkaitan penjagaan pesakit kronik dan pesakit yang mengalami *terminal illness* seperti kanser. Peserta akan diberi pendedahan mengenai penyakit dan kaedah penjagaan dari segi perubahan, psikologi serta keagamaan.

Bengkel penjagaan orang tua (geriatric) dan pengidap angin ahmar (stroke) - berkaitan keseim-

bangkan badan untuk pesakit angin ahmar dan program untuk orang-orang tua.

Bengkel pengubahsuaian tingkah laku bagi kanak-kanak bermasalah pembelajaran menggunakan alat bantuan audio visual-kognitif - sesuai bagi ibu bapa dan guru-guru yang mengendalikan kanak-kanak bermasalah pembelajaran.

Bengkel latihan pekerjaan kepada kanak-kanak bermasalah pembelajaran (kerencanan akal) - Perkongsian program *Vocational Training* yang dijalankan di USM. Melalui program ini, diharapkan peserta akan dapat memulakan program *Vocational Training* di tempat masing-masing menggunakan model jaringan masyarakat yang diperkenalkan oleh USM.

Bengkel penjagaan awal kanak-kanak Cerebral Palsy (CP) - mengajar ibu bapa mengenai CP, cara pengendaliannya dan senaman untuk bayi dan kanak-kanak CP.

Bengkel kaedah mendedahkan awal kanak-kanak bermasalah pembelajaran

- mengajar guru, ibu bapa dan orang ramai berkaitan kaedah mendedahkan kanak-kanak bermasalah pembelajaran dari awal.

Bengkel rangsangan deria - bengkel rangsangan deria ini akan mendedahkan peserta mengenai kepentingan, faedah dan kaedah rangsangan deria kepada kanak-kanak.

Konsultasi profesional multidisiplin untuk OKU - Konsultasi pakar untuk keluarga dan pesakit OKU dari segi perspektif kehidupan dan pemulihan OKU yang melibatkan ketidakupayaan penglihatan, pendengaran, pertuturan, masalah pembelajaran dan mental.

Kaunter perkhidmatan agensi kerajaan berkaitan OKU seperti Jabatan Pembangunan OKU (Jabatan Kebajikan Masyarakat), Bahagian Pendidikan Khas (Kementerian Pendidikan Malaysia) dan Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga (Kementerian Kesihatan Malaysia).

Karnival OKU - memberikan peluang kepada masyarakat umum untuk merasai persekitaran dan pengalaman sebagai OKU.

Sila layari <http://i-inova2013.usim.edu.my/> untuk maklumat lanjut.